

09/04/1997

Peluang usahawan Teluk melabur

Haniff Hadi in Manama (Bahrain)

MANAMA (Bahrain), Selasa - Usahawan negara Teluk perlu melihat dan meneroka pelbagai peluang di Malaysia untuk menjadikannya lokasi strategik bagi menembusi pasaran Asean.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu Dewan Perniagaan dan Bank Bahrain hari ini, usahawan negara Teluk boleh mengadakan rundingan dengan usahawan Malaysia yang turut menyertai rombongannya bagi menjalin hubungan perdagangan, ekonomi dan komersil.

Pada 1996, Malaysia melancarkan Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP-2, 1996-2005) sebagai tanda komitmen kerajaan untuk memacu Malaysia menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

"Mengikut IMP-2, pelaburan lebih AS\$100 bilion diperlukan untuk mencapai sasaran bagi meningkatkan nilai tokok Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kepada 38.4 peratus menjelang tahun 2005," kata Perdana Menteri, yang berada di sini dalam rangka lawatan dua hari atas undangan Kerajaan Bahrain. Beliau akan berlepas ke Islamabad, Pakistan, esok.

Bagi merealisasikan matlamat jangka panjang itu, Dr Mahathir berkata, penekanan terhadap produktiviti dan persaingan global diutamakan. Itulah sebabnya Malaysia bersungguh-sungguh meningkatkan perdagangan, hubungan ekonomi dan komersil dengan negara membangun dan kuasa ekonomi yang baru muncul.

Tahun lalu, Malaysia mengeksport barangan pembuatan bernilai AS\$18 bilion ke Amerika Syarikat.

"Sektor swasta Malaysia menyokong penuh usaha ini dan mereka sudahpun menjalin hubungan dan rangkaian perdagangan dengan negara-negara Amerika Latin, Afrika dan Asia," katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun banyak barangan Malaysia menggunakan jenama asing, kebanyakannya dibuat oleh syarikat milik rakyat Malaysia. Hari ini, syarikat Malaysia mengeluarkan barangan yang sama tetapi menggunakan jenama sendiri.

Mengenai hubungan dagang dengan Bahrain, Dr Mahathir berkata, ia berkembang daripada AS\$32.58 juta pada 1992 kepada AS\$39.88 juta pada 1996; mencatat peningkatan 23 peratus.

Import Malaysia dari Bahrain bagi tempoh berakhir Disember 1996 bernilai AS\$18.09 juta iaitu jatuh 51 peratus berbanding AS\$37.2 juta bagi tempoh yang sama pada 1995.

Pada 1996, Malaysia mengeksport AS\$21.79 juta barangan ke Bahrain berbanding AS\$26.04 juta pada tahun 1995.

(END)